

“Peluang yang besar itu datang secara tiba-tiba... datang tidak menentu masa... datang disaat kita kesempatan atau kesusahan.

Nilailah peluang itu dengan secara bijaksana. Rebutlah peluang yang besar itu, kerana peluang yang besar itu boleh berlalu dengan tiba-tiba. Jangan jadikan seribu alasan untuk tidak merebut peluang yang besar itu!”

Prof. Dr. Hamka



Pusat Pengajian Sains Matematik
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang
Tel: 04-6533481
Fax: 04-6570910
<https://www.facebook.com/matematikUSM>



(Penerbitan 2 kali setahun)



Peserta Math Trip 2017

MATH TRIP 2017

10,11 & 12 Mac 2017 –Program Math Trip telah berlangsung di Kuala Terengganu dan Pulau Perhentian. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Sains Matematik, Universiti Sains Malaysia . Program ini disertai oleh 40 orang pelajar dan 2 orang staf dari Pusat Pengajian. Matlamat program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara persatuan.

Program ini bermula di Pulau Perhentian untuk aktiviti *snorkelling*. Sebanyak lima tempat *snorkelling* yang telah dilawati iaitu *Turtle Bay*, *Turtle Point*, *Turtle KK*, *Shark Point* dan Lata Air Berani sehingga petang. Seterusnya aktiviti diteruskan ke Kuala Terengganu. Pada keesokan harinya, lawatan bersambung ke Pasar Payang, Pantai Batu Buruk, Masjid Kristal dan Kampung Losong. Rombongan bertolak balik pada pukul 4.00 petang dan sampai ke USM pada pukul 1.30 pagi.



Aktiviti Snorkeling



Group Photo di Pantai



Di Kuala Terengganu

Disediakan oleh Persatuan Sains Matematik



Prof. Dr. Hailiza Kamarulhaili



Prof. Madya Dr. Mohd Tahir Ismail



Dr. Husna Hassan



Prof. Madya Dr. Ang Miin Huey



Dr. Ahmad Lutfi Amri Ramli



Cik Hartini Ahmad



Cik Nur Atiqah Jamaluddin

THE JOINT MATHEMATICS SEMINAR USM-UMT



Disediakan oleh:
Nurul Ainina Redwan
Nur Fatimah Fauzi
Mohd Shareduwan

Peserta *The Joint Mathematics USM-UMT*

Seminar Matematik Bersama USM-UMT telah diadakan pada 17 Februari 2017 di Bilik Persidangan, Pusat Pengajian Sains Matematik, Universiti Sains Malaysia (USM). Seminar ini merupakan kolaborasi antara pelajar-pelajar pasca siswazah Pusat Pengajian Sains Matematik, USM dan Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan, UMT. Seminar ini memberi fokus kepada penyelidikan Matematik dan menjadi jambatan kepada kolaborasi pada masa akan datang di antara kedua-dua buah universiti. Profesor Madya Dr. Teh Su Yean dari PPSM, USM merupakan penceramah utama bagi seminar ini dengan ceramah beliau yang bertajuk "Perhubungan melalui Model Matematik."

Seminar ini merupakan titik permulaan untuk mewujudkan hubungan dua hala antara USM dan UMT. Inisiatif yang diambil ini dijangka akan memberi perspektif yang baru dalam bidang penyelidikan dan ruang untuk mengutarakan idea. Selain daripada bertukar idea dan maklumat, seminar ini diharapkan dapat membina hubungan yang kukuh antara pensyarah dan pelajar USM dan UMT, justeru membuka ruang dan peluang untuk menemui hasil-hasil penyelidikan yang baru pada masa hadapan.

Seminar ini telah dihadiri seramai 61 pelajar dari USM dan UMT. Sejumlah 12 topik penyelidikan dibentangkan oleh pelajar-pelajar pasca siswazah. Matlamat utama seminar ini adalah untuk berkongsi penemuan baru dalam penyelidikan yang memberi kebaikan kepada pelajar-pelajar USM dan UMT, pembentukan kemahiran insaniah apabila pembentang diuji berdasarkan pengurusan masa, kemahiran berkomunikasi, keyakinan diri dan cara mengawal soalan daripada penonton, mengatasi ketakutan di atas pentas. Membuat kesalahan yang akan memberi isyarat untuk pembentang membuat perubahan yang kukuh pada masa akan datang dan menghubungkan pelajar-pelajar baru USM dan UMT.

Pembentang telah berjaya meningkatkan mutu pembentangan yang boleh diaplikasikan semasa persidangan dan pembentangan viva. Para peserta juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan sesama mereka melalui soalan yang diajukan dan perkongsian maklumat.

I LOVE MATH

Calcophilic merupakan program *I Love Math* yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains Matematik dan telah dijayakan oleh persatuan pelajar sains matematik. Aktiviti pada sidang akademik ini melibatkan sekolah-sekolah yang berminat untuk menganjurkan program ini kepada para pelajar mereka. Program ini merupakan permainan yang berkonsepkan matematik. Penekanan kem ini ialah terhadap pemupukan minat pelajar sekolah dalam bidang matematik.

Objektif kem ini diadakan adalah untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar sekolah dalam bidang matematik. Memperkenalkan kepada pelajar sekolah aplikasi matematik dalam kehidupan yang sebenar. Menggalakkan pelajar bersaing sesama sendiri secara sihat. Menjalinkan hubungan antara pelajar sekolah yang terlibat dengan pelajar PPSM serta melatih fasilitator mengawal keadaan melibatkan peserta yang ramai.

	Lokasi	Penglibatan
Calcophilic 1 : 11 Mac 2017	SK Convent Pulau Tikus	10 Pelajar USM 80 Pelajar Sekolah
Calcophilic 2 : 01 April 2017	SK Bertam Indah, Kepala Batas	30 Pelajar USM 260 Pelajar sekolah
Calcophilic 3 : 9 Mei 2017	SMK Bayan Lepas	6 Pelajar USM 122 Pelajar Sekolah

Jadual di atas menunjukkan program Calcophilic yang telah berjalan

Program di SK Convent Pulau Tikus.



Fasilitator I Love Math

Program dimulakan dengan sesi ice-breaking seterusnya aktiviti *calcorobic* berpandukan sifir diketuai oleh pensyarah pengiring, Dr. Ahmad Lutfi sebagai aktiviti memanasakan badan sebelum sesi *booth* dan *cinematic* dimulakan. Para peserta sangat aktif dan bersemangat sepanjang program dijalankan. Selain itu semangat berpasukan dalam kalangan pelajar dapat dilihat semasa mereka bersama-sama cuba memenangi setiap permainan beraplikasikan Matematik dan Sains diberikan kepada mereka.

Program di SK Bertam Indah, Kepala Batas.



Fasilitator I Love Math

Program ini bermula seawal 8.00 pagi dengan wakil fasilitator membahagikan para pelajar kepada 16 buah kumpulan. Sebelum aktiviti booth bermula, para pelajar diberi penerangan tentang syarat-syarat serta cara aktiviti yang akan dijalankan. Setiap kumpulan juga akan menerima seorang fasilitator sebagai pembantu bagi memastikan kelancaran program. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program ini adalah seperti *ice breaking*, *coin collection*, jual beli dan juga *battle*. Semasa *coin collection* sebanyak enam buah booth telah dibuka iaitu booth *dual*, *smart centre*, *math explorer*, *math performance*, jengket sifir dan *fast and quick*. Para pelajar diberi masa selama 45 minit untuk mengutip sebanyak mungkin *coin* untuk digunakan semasa *battle* nanti. Semua booth dibuka di tempat yang berbeza bagi memastikan para pelajar tidak terlalu fokus pada satu booth sahaja.

Tepat jam 1730 petang, majlis penutupan telah dilakukan di dalam dewan sekolah. Wakil daripada Pusat Pengajian Sains Matematik ialah Dr. Nuzlinda bt Abdul Rahman, Dr. Mohd Hafiz b Mohd, Dr. Maisarah bt Haji Mohamad dan Dr. Siti Amirah bt Abd Rahman. Diharapkan dengan adanya program seperti akan dapat memupuk minat para pelajar terhadap subjek matematik.



Peserta I Love Math



Peserta menyelesaikan masalah



Ice-breaking



Battle



Penerangan kepada peserta

Disediakan oleh Persatuan Sains Matematik

KUIZ MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2017.

Kuiz Matematik Sekolah Menengah Peringkat Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu aktiviti tahunan Persatuan Sains Matematik yang diadakan untuk penyertaan sekolah-sekolah menengah di Pulau Pinang sejak 1980an. Kuiz Matematik merupakan usaha siswa-siswi Persatuan Sains Matematik dan Pusat Pengajian Sains Matematik untuk meningkatkan nama USM dan menyemaikan minat pelajar dalam bidang matematik. Matematik merupakan satu subjek yang dapat meningkatkan daya kreativiti dan pemikiran kritikal pelajar. Ciri-ciri ini akan membantu pelajar dalam melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi dan kerjaya kelak.

Pada 22 April 2017 (8.30 pagi – 2.30 petang), Kuiz Matematik telah diadakan (di Dewan kuliah W dan V) secara berpasukan dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori sekolah menengah rendah untuk pelajar tingkatan dua dan tiga serta kategori sekolah menengah atas untuk pelajar tingkatan empat dan lima.

Objektif kuiz matematik adalah untuk:

1. Meningkatkan minat pelajar sekolah menengah dalam pelajaran matematik.
2. Mendedahkan pelajar sekolah menengah dengan masalah-masalah harian yang dapat diselesaikan dengan menggunakan matematik yang dipelajari di peringkat sekolah.
3. Mendedahkan suasana universiti kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan sebagai galakan dan panduan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.



Ucapan Dari Penasihat Projek



Peserta Yang terlibat



Para Pemenang



Kuiz Sedang Berlangsung

LAWATAN INDUSTRI KE INFINION



Peserta lawatan industri

23 Mei 2017 – Pusat Pengajian Sains Matematik (PPSM) telah mengadakan lawatan industri ke Teknologi Infineon (Kulim) Sdn. Bhd. Malaysia (IFKM). Lawatan yang dirangka oleh Prof. Dr Low Heng Chin ini disertai 29 pelajar Prasiswazah dan diiringi seorang pensyarah Dr. Majid Khan.

Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kawalan kualiti, proses pengurusan serta analisis statistik dalam mengenal pasti punca kerosakan dalam produk yang dikilangkan oleh IFKM di samping membolehkan pelajar mendapat maklumat penting sebagai asas persediaan sebelum memulakan latihan industri dan melangkah ke alam pekerjaan.

Pada julung kalinya, lawatan ke IFKM menyaksikan penglibatan ahli pengurusan tertinggi syarikat yang sanggup meluangkan masa bersama dengan para peserta. Ahli pengurusan tertinggi yang turut memberikan taklimat kepada peserta yang hadir. Pengenalan kepada syarikat dan hasil produk syarikat telah di sampaikan oleh En Ng Kok Tiong (Presiden dan Pengarah Urusan IFKM). Taklimat mengenai peluang pekerjaan di IFKM pula telah disampaikan oleh Cik Haslinda Mohamad Yusof (Eksekutif kanan sumber manusia), Polisi pengurusan dan kualiti IFKM oleh Dr. Mohammed Reza Hussien (Pengarah Pengurusan Kualiti), Fabrikasi dan pembuatan wafer oleh Mohamed

Anwar Ibrahim (Ketua Jurutera Produksi IFKM), Analisis kegagalan produk semikonduktor oleh En. Vimaleson Gunaratnam (Ketua Bahagian pengurusan kualiti) dan sesi soal jawab bersama peserta.

Pelajar juga diberi pendedahan mengenai visi dan misi, polisi dan pengurusan syarikat, produk syarikat, kriteria staf yang diperlukan syarikat, bagaimana syarikat melatih serta mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman setiap staf, serta peluang pekerjaan dan *internship* yang menarik bagi lepasan graduan siswazah yang baru menerusi *Infineon Graduate Programme (IGP)*.



Pendaftaran sebelum masuk ke kawasan kilang



Taklimat dari En Ng Kok Tiong



Cenderahati Daripada PPSM ke Pihak Industri

Disediakan oleh Dr. Majid Khan
Prof. Dr. Low Heng Chin

LAPORAN MATHCAFE SEMESTER 2, SIDANG AKADEMIK 2016/2017

Pada semester ini, program *MathCafe* telah dijalankan bagi dua kursus Tahun Pertama iaitu kursus MAT101 (Kalkulus) dan MAT111 (Aljabar Linear). Terdapat sedikit pembaharuan dalam pelaksanaan program *MathCafe* pada semester ini iaitu melalui pendekatan Sesi Tertutup dan Sesi Terbuka.

Untuk sesi tertutup, fokus utamanya ialah untuk membantu para pelajar yang mendapat gred yang rendah bagi kursus MAT100 pada Semester 1. Pelajar yang dipilih ialah pelajar yang mendapat gred B- ke bawah dan juga pelajar yang mengulang. Seramai lebih kurang 35 orang pelajar telah terpilih untuk mengikuti sesi ini. Para pelajar ini diwajibkan hadir ke sesi yang dikelolakan oleh Dr Mohd Hafiz (MAT101) dan Dr Nur Nadiah (MAT111) pada setiap minggu di Bilik Persidangan. Pelajar yang mendapat gred yang baik dalam ujian kedua-dua kursus tersebut akan dianugerahi Sijil Lonjakan Saujana dan tidak lagi diwajibkan untuk hadir ke Sesi Tertutup. Seramai empat orang pelajar dari Sesi Tertutup MAT101 dan lapan orang pelajar dari Sesi Tertutup MAT111 telah dipilih sebagai penerima Sijil Lonjakan Saujana. Manakala pelajar yang mendapat gred C+ ke bawah dalam ujian kedua-dua kursus tersebut akan dimasukkan dalam sesi yang berkaitan. Program motivasi pada Sesi Tertutup dengan kerjasama dua orang kaunselor pelatih yang ditempatkan di pusat pengajian juga telah dilaksanakan baru-baru ini.

Bagi Sesi Terbuka pula, pelajar boleh menghadiri sesi yang disediakan untuk bertanyakan soalan kepada pensyarah dan tutor yang terlibat. Sebanyak dua sesi telah dijalankan pada semester ini iaitu pada Rabu, 3.00 - 5.00 petang dan Khamis, 11.00 pagi - 1.00 petang, bertempat di Bilik Tutorial 107. Setiap sesi telah dibantu oleh dua orang tutor kursus MAT101 dan MAT111. Tutor-tutor yang terlibat ialah pelajar pascasiswazah pusat pengajian iaitu saudara Ghajendran a/I Poovanandran, saudara Teoh Zu Yao,

saudara Babarinsa Olayiwola Isaac dan saudara Marut Musa Josiah. Sesi ini turut dipantau oleh Dr Mohd Hafiz dan Dr Nur Nadiah. Facebook khas *MathCafe* USM turut dibuka sebagai medium publisiti dan informasi, serta menjadi sumber rujukan pelajar untuk mengulang kaji.

Diharapkan pada masa akan datang, pelaksanaan program *MathCafe* dapat ditambahbaik dari masa ke semasa untuk faedah bersama.



Penyerahan sijil dari Pemangku timbalan dekan

Tutor membantu menyelesaikan masalah



Suasana Pembelajaran



Sesi Motivasi



Penyerahan sijil dari dekan

Disediakan oleh
Dr. Yazariah Md. Yatim
Dr. Nadiah Abd Hamid
Dr Mohd Hafiz

USM PENANG CUBE



Jenis Cube yang digunakan dalam pertandingan

Persatuan Sains Matematik, Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama *Malaysia Cube Club* and *World Cube Association* telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan pertandingan Rubik's Cube di USM Pulau Pinang, dengan nama "*USM PENANG CUBE 2017*". Kali terakhir pertandingan ini diadakan di Pulau Pinang adalah pada tahun 2011, iaitu Petrosains 2011 yang diadakan di Seberang Perai.

Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat berdaya saing secara sihat dalam kalangan semua peserta, melatih minda supaya dapat berfikir secara logik dan lebih fokus dalam menyelesaikan permainan rubik ini, meningkatkan keyakinan diri individu untuk membuat sesuatu keputusan dalam menyelesaikan permainan rubik ini dan juga dapat memperkenalkan USM dan Pusat Pengajian Sains Matematik kepada orang awam.

Seramai 73 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. 69 orang peserta dari Malaysia dan terdapat 3 orang peserta dari luar negara. Seramai 42 orang ahli jawatankuasa dari USM yang bertugas untuk program ini. Program dibawah arahan Talhah bin Mohamad Shirajudin dan penasihat program Prof. Madya Dr. Mohd Tahir Ismail ini telah berakhir dengan jayanya.



Pertandingan sedang berlangsung



Peserta



Hadiah kepada pemenang



Pertandingan sedang berlangsung



Peserta sedang mencuba cubic

Disediakan oleh Persatuan Sains Matematik

MATH NIGHT



Group Photo Math Night

20 Mei 2017- Program *Math Night* yang dianjurkan oleh Persatuan Sains Matematik, USM telah diadakan di Hotel Gurney Resort, Pulau Pinang. Program ini disertai oleh 86 orang pelajar, 5 orang pensyarah dan 2 orang staf pentadbiran. Matlamat program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli persatuan serta menghapuskan jurang dalam kalangan pelajar senior dan junior Pusat Pengajian Sains Matematik.

Program ini merupakan program tahunan persatuan pelajar. Pengarah projek pada semester ini saudara Nur Sabrina Binti Mohd Fairus dan Dr Nuzalinda Abdul Rahman (Pemangku Timbalan Dekan) sebagai penasihat projek. Pelbagai aktiviti telah dirangka dan dijalankan sepanjang majlis antaranya ialah persembahan daripada pelajar, cabutan bertuah, permainan, pemilihan *King* dan *Queen* serta sesi bergambar. Program berakhir pada pukul 11.30 malam.



Suasana semasa majlis berlangsung

BENGGEL MATEMATIK

Pada 18 dan 19 Mac 2017 , Bengkel Matematik sekolah rendah peringkat Pulau Pinang telah dianjurkan di Bangunan G03, Universiti Sains Malaysia dan meraikan ulang tahun ke-5. Tiga objektif utama bengkel ini telah tercapai iaitu meningkatkan minat dalam kalangan pelajar sekolah rendah terhadap mata pelajaran matematik , melatih pelajar untuk menguasai KBAT melalui penyelesaian masalah matematik dan melatih serta memupuk kreativiti pelajar melalui penghasilan kaedah sendiri semasa menyelesaikan masalah matematik.

Pada tahun ini, sebanyak 74 orang murid dari 20 buah sekolah rendah di seluruh Pulau Pinang telah terlibat dalam bengkel matematik ini. Terdapat empat topik telah diajar dalam Bengkel Matematik 2017 iaitu logik , kebolehbahagian, pola dan corak dan pecahan. Topik logik mengajar pelajar bagaimana mendedukasikan untuk mendapat suatu penyelesaian dengan menggunakan petunjuk dan andaian. Topik kebolehterbahagian mengajar pelajar konsep keterbolehbahagian yang sangat berkaitan tetapi tidak terkandung dalam sukatan Matematik sekolah rendah. Selain itu, topik pola dan corak mengajar murid bagaimana mengkap dan mengumpul corak-corak sesuatu masalah dengan sistematik dan seterusnya menyelesaikan masalah tersebut. Topik pecahan pula mengajar konsep penting pecahan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan.



Pensyarah dan pelajar yang terlibat

**Peserta bengkel
bersama fasilitator**



Disediakan oleh Persatuan Sains Matematik

KARNIVAL MATEMATIK

Persatuan Sains Matematik dengan kerjasama Pusat Pengajian buat kali yang kedua telah menganjurkan karnival matematik 2017. Karnival pada kali ini mempunyai 8 subprogram yang diadakan di pelbagai lokasi sekitar USM dan Pulau Pinang. Objektif karnival matematik adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar akan keistimewaan dunia matematik untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Di samping itu, karnival matematik juga bertujuan untuk mengasah bakat yang terpendam dalam diri pelajar.

Math Got Talent

Sebanyak 29 penyertaan telah menyertai uji bakat *Math's Got Talent* 2017 yang berlangsung pada 11 dan 12 April 2017. Penyertaan yang disertai oleh para peserta kebanyakan terdiri daripada nyanyian, tarian, sajak dan lain-lain. Pemarkahan mereka diadili oleh 3 orang juri semasa uji bakat berlangsung. Tapisan dibuat pada 11 April dan sebanyak 12 penyertaan yang berjaya ke peringkat akhir yang berlangsung di Dewan Budaya.

Para peserta yang berjaya ke pusingan akhir antaranya *The Rabak*, Cempedak Nangka, Chakroz, Idol Band, Roysten, Syahrul, Ihsan Syami, Syazne and Dian, *Beuty and the Beast*, *Buncits N Petites*, Alfian dan Daus. Pemarkahan untuk pusingan akhir ditentukan oleh 4 orang juri profesional yang berlatarkan bidang seni. *Gob Bob and The Juans*, *Headone and The Wayang* telah diundang untuk membuat persembahan bagi memeriahkan suasana.

Tempat pertama telah dimenangi oleh *The Rabak* dengan membawa pulang wang sebanyak RM 300.00. Tempat kedua dimenangi oleh Alfian dan membawa pulang RM 200.00 dan tempat ketiga dimenangi oleh Daus sebanyak RM 100.00. Dr Nuzalinda Abdul Rahman (Pemangku Timbalan Dekan) telah menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Johan Pertandingan



Ahli Jawatankuasa Math Got Talent



Naib Johan

Prihatin Ummah @ Harapan Untuk Gelandangan

13 April 2017- Prihatin Ummah atau Harapan Untuk Gelandangan merupakan program menyantuni para gelandangan di sekitar bandar Georgetown. Program ini dijalankan oleh Persatuan Sains Matematik USM di bawah projek karnival matematik 2017 disertai seramai 32 orang sukarelawan termasuk ahli jawatankuasa yang terlibat. Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada mahasiswa-mahasiswi tentang keadaan masyarakat masa kini dan menerapkan nilai keberanian dalam mendekati golongan gelandangan ini. Program ini dijalankan dengan usaha sama dengan NGO lain iaitu Urus setia Menangani Gejala Sosial (UNGGAS). Pihak UNGGAS banyak memberikan tunjuk ajar kepada sukarelawan tentang cara mendekati dan menyantuni para gelandangan ini.

Program ini bermula pada jam 10.00 malam. Para sukarelawan berkumpul di masjid kapitan Keling untuk mendengar taklimat yang disampaikan oleh wakil UNGGAS. Para sukarelawan dipecahkan kepada 3 kumpulan. Kumpulan pertama beroperasi di sekitar Lebu Chulia, kumpulan kedua di sekitar Komtar manakala kumpulan ke tiga pula beroperasi di sekitar Masjid Kapitan Keling. Operasi dijalankan dengan mengagihkan makanan kepada para gelandangan dan bertanya khabar. Sebanyak 100 bungkus bahun goreng, 100 buku roti dan 5 kotak air minuman telah disediakan untuk program ini. Program diakhiri dengan rumusan yang telah dikendalikan oleh Saudara Nazmi, wakil UNGGAS dan berakhir pada jam 1.30 pagi.



Sesi Taklimat



Penyerahan Makanan Kepada Gelandangan



Peserta Yang Terlibat

Art Of Math

15 April 2017 - *Art Of Math* merupakan aktiviti berkonsepkan *Explorace*. Terdapat enam kumpulan telah melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Setiap stesen dibekalkan dengan soalan matematik yang menarik. Soalan stesen mengandungi pengetahuan matematik termasuklah logik, statistik, *caching pattern* dan sebagainya.

Melalui aktiviti ini, mereka dapat menguasai pengetahuan matematik secara menyeluruh. *Art of Math* membolehkan peserta mengetahui bahawa matematik bukan hanya terlibat dengan pengiraan, tetapi juga terlibat dalam kehidupan seharian.



Pendaftaran Peserta



Peserta Cuba Menyelesaikan Masalah



Hadiah Kepada Pemenang

Team Building

16 April 2017- ceramah *Beauty of Fundamental Science* bermula pada 10.00 pagi sehingga 1.30 disampaikan oleh Dr. Nazri Halif pensyarah Unimap yang juga merupakan alumni USM. Program ini dijalankan dengan kerjasama pihak Alumni kerjaya dan kebolehpasaran.

Seramai 45 orang peserta yang menghadiri ceramah ini. Dr Hafiz Mohamad wakil Pusat Pengajian Sains Matematik dan En. Kasyfi wakil dari pihak alumni turut serta menghadiri ceramah tersebut. Ceramah ini bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk mendalami ilmu sains dan mengamati keindahan.



Dr Nazri Halif



Peserta Yang Hadir



Ahli Jawatankuasa Program

Tid Bits

17 April 2017- program yang diinspirasikan oleh exco alumni dan perhubungan awam, persatuan sains matematik. program ini bertujuan untuk berkongsi serta menjawab segala persoalan dan pertanyaan mengenai perkaitan antara Falsafah dan Matematik. Program ini juga bertujuan menambah pengetahuan kepada mereka yang ingin mengetahui ilmu falsafah dan matematik walaupun mereka berada dalam bidang pengajian yang lain.

Program ini terdiri daripada 21 orang jawatankuasa dan 90 orang peserta. Forum ini disampaikan oleh Dr Burhanuddin Al Helmy Baki, pensyarah daripada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang berlatarbelakangkan seorang mahasiswa yang sangat bijak dan pernah belajar di Massachusetts Institute of Technology (MIT). Beliau memberi penerangan dan penjelasan yang mudah untuk difahami serta memberi perkaitan mengenai Falsafah dan Matematik dengan memberikan contoh yang mudah untuk digambarkan.



Ceramah Dr. Burhanudin Al-Helmy Baki



Soal Jawab Kepada Panel



Penyampaian Cenderahati



Soal Jawab Kepada Panel

Disediakan oleh Persatuan Sains Matematik